



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1 – SESSION 2019/2020
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWW 2213
KOD KURSUS

COURSE NAME : FINANCIAL MANAGEMENT / PENGURUSAN KEWANGAN
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : 2 DDWW

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT
TEMPOH

DATE : NOVEMBER 2019
TARIKH

INSTRUCTION : Answer all questions in the answer booklet provided.
ARAHAN [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of 7 pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi 7 muka surat termasuk kulit hadapan



PUSAT PROGRAM KERJASAMA

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan makluman yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

Answer ALL questions.

(TOTAL 100 marks)

[Jawab SEMUA soalan.]

[JUMLAH 100 markah]

- Q1. In corporate finance, the agency problem usually refers to a conflict of interest between a company's management and the company's stockholders. Suggest THREE possible solutions to overcome the agency problem.

[Dalam kewangan korporat, masalah agensi biasanya merujuk kepada konflik kepentingan di antara pengurusan syarikat dan pemegang saham syarikat. Cadangkan TIGA kemungkinan penyelesaian untuk mengatasi masalah agensi.]

(3m)

- Q2. BFF Bhd. collects its account receivables in 60 days after credit sales are made and pays its account payables obligations in 45 days after credit purchases are placed. The firm's cost of goods sold (COGS) for the year is RM500,000 and its closing inventory amounts to RM30,000.
- [BFF Bhd. mengutip akaun boleh terima dalam masa 60 hari selepas jualan kredit dibuat dan membayar tanggungan akaun boleh bayar dalam masa 45 hari selepas belian kredit berlaku. Kos barang dijual (COGS) firma untuk tahun tersebut ialah RM500,000 dan baki inventori akhir firma adalah RM30,000.]*

- a. Calculate the firm's cash conversion cycle (CCC)

[Kirakan kitaran penukaran tunai (CCC) firma.]

(4m)

- b. The firm is able to extend its payment period to 50 days by using new supplier; due to this its inventory conversion period will be lengthened by 3 days. Calculate the new CCC. Should the firm change to the new supplier? State your reason.

[Firma dapat melanjutkan tempoh pembayaran kepada 50 hari melalui pembekal baru; daripada itu tempoh penukaran inventori akan dapat dilanjutkan selama 3 hari. Kirakan 'CCC' baru. Perlukah firma bertukar kepada pembekal baru? Nyatakan sebab anda.]

(3m)

- Q3. DW Bhd wants to purchase machinery. To do this, it borrows RM50,000 to be repaid in equal installments at the end of each of the next 3 years. The interest rate is 10% compounded annually.

[DW Bhd ingin membeli jentera. Untuk itu, syarikat meminjam RM50,000 untuk dibayar balik dalam pembayaran yang sama pada akhir setiap tahun untuk tempoh 3 tahun akan datang. Kadar faedah adalah 10% dikompaun secara tahunan.]

a. Determine the annual payments value.

[Tentukan nilai bayaran tahunan.]

(2m)

b. Prepare an amortization schedule for the machinery purchase loan.

[Sediakan jadual pelunasan bagi pinjaman pembelian jentera tersebut.]

(5m)

Q4. ACC Berhad is experiencing rapid growth. Earnings and dividends are expected to grow at a rate of 14% during the next 2 years, at 12% the following year, and at a constant rate of 8% during year 4 and thereafter. Its last dividend was RM1.50, and its required rate of return is 10%. Calculate the value of the stock today.

[ACC Berhad sedang mengalami pertumbuhan pesat. Pendapatan dan dividen dijangka meningkat pada kadar 14% dalam tempoh 2 tahun akan datang, pada 12% pada tahun berikutnya, dan pada kadar tetap 8% pada tahun 4 dan tahun-tahun selepas itu. Dividen terakhinya ialah RM1.50, dan kadar pulangan yang diperlukan adalah 10%. Kirakan nilai saham hari ini.]

(8m)

Q5. 2DDW Corporation is contemplating a new investment and asking you as their financial consultant to help them determine the cost of capital for the following sources of financing:-

[Syarikat 2DDW sedang mempertimbangkan pelaburan baru dan meminta anda selaku perunding kewangan syarikat untuk membantu mereka menentukan kos modal yang berkaitan untuk beberapa sumber kewangan seperti berikut:-]

a. A new RM1,000 par value bonds at a market price of RM1,250. The coupon interest rate is 12%, and the bonds would mature in 10 years. There would also be a floatation cost of RM50 per bond and the company is in a 25% tax bracket. What is the firm's after tax cost of debt on the bond? (Round your answer on cost of debt before-tax to the nearest hundredth)

[Bon baru bernilai par RM1,000 pada harga pasaran RM1,250. Kadar faedah kupon adalah 12% dan tempoh matang bon adalah 10 tahun. Terdapat kos apungan sebanyak RM50 untuk setiap bon dan syarikat dalam julat cukai 25%. Berapakah kos modal selepas cukai bon kepada syarikat? (Bundarkan jawapan anda ke atas kos modal sebelum cukai bon kepada peratus terdekat)]

(7m)

- b. A new common stock issue when the company's most recent paid dividend was RM4 per share. The dividends per share should continue to increase at an 8% growth rate into indefinite future. The market price of each stock is currently RM58; however, floatation costs of 8% per share are expected. What is the cost of capital for the common stock?

[Terbitan saham biasa baru apabila dividen yang baru sahaja dibayar oleh syarikat adalah RM4 sesaham. Dividen sesaham dijangka akan terus meningkat pada kadar peningkatan 8% sehingga satu tempoh akan datang yang tidak terbatas. Harga pasaran semasa setiap saham adalah RM58; walau bagaimanapun, kos apungan sebanyak 8% sesaham adalah dijangka. Berapakah kos modal untuk saham biasa?]

(7m)

- c. A preferred stock that sells for RM105, however if new stock is issued, the company would receive only RM88. The par value of the stock is RM100 and the dividend is RM10. What is the cost of capital for the preferred stock to the company?

[Saham keutamaan yang dijual untuk RM105, walau bagaimanapun syarikat akan dapat menerima hanya sebanyak RM88 jika saham baru diterbitkan. Nilai par saham tersebut adalah RM100 dan dividen adalah RM10. Berapakah kos modal kepada syarikat untuk saham keutamaan?]

(3m)

- d. Based on the above results, compute the company's weighted average cost of capital (WACC) if the company plans to maintain its capital structure of 30% debt, 60% common stock, and 10% preferred stock of equity.

[Berdasarkan pada jawapan di atas, kirakan kos modal purata wajaran (KMPW/WACC) jika syarikat bercadang untuk meneruskan struktur modal mereka, iaitu hutang 30%, saham biasa 60% dan saham ekuiti keutamaan 10%.]

(5m)

- e. The rate of return on the new project is expected to be at 15%. Given your answer in part (d) above, should project be accepted? Why?

[Kadar pulangan untuk projek baru adalah dijangka pada 15%. Berdasarkan jawapan anda di bahagian (d) di atas, adakah projek tersebut perlu diterima? Mengapa?]

(3m)

- Q6. A&W is considering two independent projects. The required rate of return on these projects is 18%. The maximum allowable payback period for the project is 3.5 years. The two projects provide the following set of after-tax net cash flows:

[A&W sedang mempertimbangkan dua jenis projek saling tidak bergantung. Kadar pulangan yang diperlukan untuk projek-projek tersebut ialah 18%. Tempoh maksima bayaran balik projek yang dibenarkan ialah 3.5 tahun. Kedua-dua projek tersebut memberikan aliran tunai selepas cukai seperti berikut:]

	<u>PROJECT X</u> <u>[PROJEK X]</u>	<u>PROJECT Y</u> <u>[PROJEK Y]</u>
Initial Outlay [Pelaburan Awal]	-RM500,000	-RM400,000
Inflow year 1 [Aliran masuk tahun 1]	260,000	135,000
Inflow year 2 [Aliran masuk tahun 2]	80,000	135,000
Inflow year 3 [Aliran masuk tahun 3]	100,000	135,000
Inflow year 4 [Aliran masuk tahun 4]	180,000	135,000
Inflow year 5 [Aliran masuk tahun 5]	260,000	135,000

Required: [Dikehendaki:]

- a. Determine the payback period for each project. Compare and relate your answer with its drawback as capital-budgeting technique.

[Tentukan tempoh bayaran balik untuk setiap projek. Bandingkan dan kaitkan jawapan anda dengan kelemahan kaedah tersebut sebagai teknik belanjawan modal.] (4m)

- b. Calculate the Net Present Value (NPV) and the Profitability Index (PI) for each project.

[Kirakan Nilai Kini Bersih (NPV) dan Indeks Keberuntungan (PI) untuk setiap projek.] (10m)

- c. The Internal Rate of Return (IRR) for project X is 22%. Calculate the IRR for project Y.

[Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Projek X ialah 22%. Kirakan 'IRR' untuk projek Y.] (3m)

- d. Based on the IRR given and your answers above, explain briefly which project(s) should be accepted.

[Berdasarkan 'IRR' yang diberi dan jawapan anda dalam bahagian di atas, terangkan secara ringkas projek (projek-projek) manakah yang patut diterima.] (5m)

- e. How do the accept-reject criteria differ if the above projects are mutually exclusive?

[Bagaimanakah kriteria terima-tolak berbeza jika projek-projek di atas adalah saling eksklusif?] (3m)

- Q7.** You are required to evaluate the purchase of a proposed digital drawing machine for the Production Department. The purchase price is RM280,000, and it would cost another RM60,000 to modify the machine for special use by the firm. This machine has an expected life of 5 years, after which it will have no salvage value. The machine is depreciated using straight line method:

[Anda dikehendaki untuk membuat penilaian ke atas pembelian mesin lukisan digital yang dicadangkan untuk Jabatan Pengeluaran. Harga belian adalah RM280,000 dan ia akan menelan belanja tambahan RM60,000 untuk mengubahsuai mesin bagi kegunaan khas oleh firma. Mesin tersebut mempunyai jangka hayat selama 5 tahun, dan tidak mempunyai nilai sisa. Mesin tersebut disusutnilai dengan kaedah garis lurus.]

The machine would require an RM16,000 increase in net operating working capital. The project would have no effect on sales revenue, but it should save the firm RM100,000 per year in before-tax labor costs. Finally, to purchase the new machine, the firm would have to borrow RM100,000 at 8% interest from SME Bank, resulting in additional interest payments of RM8,000 per year. The firm's marginal tax rate is 25%

[Mesin tersebut memerlukan peningkatan modal kerja operasi bersih sebanyak RM16,000. Projek ini tidak mempunyai kesan ke atas hasil jualan, tetapi ia seharusnya dapat menjimatkan firma RM100,000 setahun dalam kos buruh sebelum cukai. Akhirnya, untuk membeli mesin tersebut, firma perlu meminjam RM100,000 pada kadar faedah 8% daripada SME Bank, menyebabkan bayaran tambahan untuk faedah sebanyak RM8,000 setahun. Kadar cukai marginal firma adalah 25%.]

Required: [Dikehendaki:]

- a. What is the initial investment outlay for this project?

[Berapakah pengeluaran pelaburan permulaan bagi projek tersebut?] (5m)

- b. What are the project's annual cash flows in Years 1 to 5?

[Berapakah aliran tunai tahunan projek dalam Tahun 1 sehingga 5?] (10m)

- c. If the WACC is 10%, what is the project's Net Present Value (NPV)? Should this machine be purchased? Why?

[Jika WACC adalah 10%, apakah Nilai Masa Kini (NPV) projek tersebut? Patutkah mesin ini dibeli? Mengapa?] (7m)

- d. Briefly explain why the financing of asset should be excluded from capital-budgeting analysis.

[Jelaskan secara ringkas mengapakah pembiayaan aset perlu diasingkan daripada analisa belanjawan modal?] (3m)

- END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT] -

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]